

06 MAR 2001

Menteri-Lawatan

MENTERI LUAR THAILAND, WAKIL FILIPINA LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Menteri Luar Thailand Dr Surakiart Sathirathai dijadual mengadakan lawatan rasmi sehari ke Malaysia pada Khamis ini bagi memperkukuhkan hubungan baik dan kerjasama erat antara kedua-dua negara.

Lawatan Dr Sathirathai ke Malaysia adalah selaras dengan amalan Menteri-menteri Luar ASEAN yang baru dilantik untuk bersuaikenal dengan rakan-rakan sejawatan mereka di negara-negara anggota perkumpulan itu.

Wisma Putra dalam kenyataannya di sini, hari ini, menyebut antara aturcara lawatan Menteri Luar Thailand itu ialah kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar akan mengadakan jamuan makan malam untuk meraikan Menteri Luar Thailand itu, menurut kenyataan itu.

Semasa lawatan itu juga beberapa perkara dua hala termasuk cadangan tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Bersama antara Malaysia-Thailand akan dibangkitkan selain bertukar fikiran mengenai isu-isu dan kerjasama serantau dan antarabangsa.

Hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara secara keseluruhannya adalah baik dengan kerjasama berterusan di bidang pelaburan dan perdagangan, pelajaran, kesihatan, sumber manusia, perikanan, sains dan teknologi serta pelancongan.

Sementara itu dua wakil khas Presiden Filipina akan melakukan lawatan tiga hari ke Malaysia bermula esok bertujuan menilai pendapat pemimpin-pemimpin Malaysia terhadap dasar-dasar dalaman baru yang diperkenalkan oleh Gloria Macapagal-Arroyo yang mengambil alih jawatan presiden pada 20 Jan lepas.

Menurut kenyataan Wisma Putra, dua wakil itu Roberto R.Romulo dan Paul G.Dominguez juga akan membincangkan implikasi jangka pendek dan panjang isu-isu serantau dan antarabangsa serta kerjasama.

Mereka juga akan bertemu dengan masyarakat Filipina di sini dan menghadiri majlis makan malam yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan Malaysia-Filipina yang akan turut disertai oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad.

Mereka dijadual melakukan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Menteri Hal Ehwal Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pertanian Datuk Mohd Effendi Norwawi.

Malaysia dan Filipina juga telah mengembangkan kerjasama melalui mesyuarat Suruhanjaya Bersama yang menyelaraskan kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan, komoditi, pelancongan dan budaya, kesihatan dan pertanian.

-- BERNAMA

CS PR